



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

SAINS
TAHUN 1

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

DR. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

TEMA : INKUIRI DALAM SAINS**Tajuk : 1.0 Kemahiran Saintifik**

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|----------------------------|--|--------------------|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 1.1 Kemahiran Proses Sains | 1.1.1 Memerhati 1.1.2 Berkomunikasi | | |
| 1.2 Kemahiran Manipulatif | 1.2.1 Menggunakan dan mengendalikan peralatan dan bahan sains dengan betul. 1.2.2 Mengendalikan spesimen dengan betul dan cermat. 1.2.3 Melakar spesimen, peralatan dan bahan sains dengan betul. 1.2.4 Membersihkan peralatan sains dengan cara yang betul. 1.2.5 Menyimpan peralatan dan bahan sains dengan betul dan selamat. | | |

TEMA : INKUIRI DALAM SAINS

Tajuk : 2.0 Peraturan Bilik Sains

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|---------------------------|--------------------------------------|--------------------|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 2.1 Peraturan Bilik Sains | 2.1.1 Mematuhi peraturan bilik sains | | |

TEMA : SAINS HAYAT

Tajuk : 3.0 Benda Hidup Dan Benda Bukan Hidup

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|---------------------------------------|---|--------------------|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 3.1 Benda hidup dan benda bukan hidup | 3.1.1 Membanding dan membezakan benda hidup dan benda bukan hidup berdasarkan ciri-ciri berikut: i) bernafas; ii) memerlukan air dan makanan; iii) bergerak; iv) membesar; dan v) membiak 3.1.2 Membuat urutan contoh-contoh benda hidup mengikut saiz. | | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|--------------------------------|--|---|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 3.2 Keperluan asas benda hidup | <p>3.2.1 Menyatakan keperluan asas benda hidup iaitu makanan, air dan udara.</p> <p>3.2.2 Memerihalkan manusia, haiwan dan tumbuhan memerlukan makanan, air dan udara dalam cara yang berlainan.</p> <p>3.2.3 Memerihalkan manusia dan haiwan, juga memerlukan tempat perlindungan.</p> <p>3.2.4 Menaakul kepentingan makanan, air, udara dan tempat perlindungan kepada manusia dan haiwan.</p> | 3.2.5 Menjelaskan pemerhatian tentang ciri dan keperluan asas benda hidup melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan. | |

TEMA : SAINS HAYAT**Tajuk : 4.0 Manusia**

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|--------------------|---|--|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 4.1 Deria manusia | <p>4.1.1 Mengenal pasti bahagian tubuh manusia yang berkaitan dengan deria yang berkenaan.</p> <p>4.1.2 Mengelaskan objek mengikut ciri yang dikenal pasti.</p> <p>4.1.3 Menggunakan deria untuk mengenal pasti objek melalui penyiasatan.</p> <p>4.1.4 Menjelas dengan contoh, penggunaan deria lain sebagai ganti sekiranya satu deria tidak dapat berfungsi.</p> | <p>4.1.5 Menjelaskan pemerhatian tentang deria manusia melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan.</p> | |

TEMA : SAINS HAYAT**Tajuk : 5.0 Haiwan**

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|---------------------------|---|---|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 5.1 Bahagian tubuh haiwan | <p>5.1.1 Mengenal pasti bahagian tubuh haiwan seperti paruh, sisik, sirip, berbulu halus, berbulu pelepah, tanduk, sumbu, sesungut, kulit keras, cangkerang, sayap, kepak, kepala, badan, ekor dan kaki selaput renang.</p> <p>5.1.2 Menghubungkan bahagian tubuh haiwan dan kepentingannya kepada haiwan.</p> <p>5.1.3 Menjelaskan melalui contoh bahagian yang terdapat pada tubuh haiwan.</p> <p>5.1.4 Mengitlak bahawa terdapat haiwan yang berlainan mempunyai bahagian tubuh yang serupa.</p> | 5.1.5 Menjelaskan pemerhatian tentang bahagian tubuh haiwan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan. | |

TEMA : SAINS HAYAT**Tajuk : 6.0 Tumbuhan**

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|-----------------------|--|---|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 6.1 Bahagian tumbuhan | <p>6.1.1 Membanding dan membezakan bahagian pada tumbuhan iaitu:</p> <p>(i) daun: jenis urat daun;</p> <p>(ii) bunga: berbunga, tidak berbunga;</p> <p>(iii) batang: berkayu, tidak berkayu; dan</p> <p>(iv) akar: akar tunjang, akar serabut.</p> <p>6.1.2 Menghubungkan bahagian tumbuhan iaitu daun, bunga, batang dan akar serta kepentingannya kepada tumbuhan.</p> <p>6.1.3 Mengitlak bahawa ada tumbuhan yang berlainan mempunyai bahagian yang serupa.</p> | 6.1.4 Menjelaskan pemerhatian tentang bahagian tumbuhan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan. | |

TEMA : SAINS FIZIKAL**Tajuk : 7.0 Magnet**

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|--------------------|--|---|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 7.1 Magnet | <p>7.1.1 Memberi contoh kegunaan magnet dalam kehidupan.</p> <p>7.1.2 Mengenal pasti bentuk magnet seperti magnet bar, silinder, ladam, bentuk U, butang dan cincin.</p> <p>7.1.3 Mengitlak tindakan magnet ke atas pelbagai objek dengan menjalankan aktiviti.</p> <p>7.1.4 Membuat kesimpulan tentang daya tarikan dan tolakan antara kutub-kutub magnet dengan menjalankan penyiasatan.</p> <p>7.1.5 Menentukan kekuatan magnet ke atas objek dengan menjalankan penyiasatan.</p> | <p>7.1.6 Menjelaskan pemerhatian tentang magnet melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan.</p> | |

TEMA : SAINS BAHAN**Tajuk : 8.0 Penyerapan**

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|----------------------------------|--|--|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 8.1 Keupayaan bahan menyerap air | 8.1.1 Mengenal pasti objek yang boleh menyerap air dan tidak boleh menyerap air dengan menjalankan penyiasatan. 8.1.2 Mengelas objek yang boleh menyerap air dan tidak boleh menyerap air. 8.1.3 Memerihalkan keupayaan objek menyerap air berdasarkan jenis bahan dengan menjalankan penyiasatan. 8.1.4 Menyatakan kepentingan objek yang boleh menyerap air dan tidak boleh menyerap air dalam kehidupan. | 8.1.5 Mereka cipta objek berdasarkan kebolehan menyerap air. 8.1.6 Menjelaskan pemerhatian tentang keupayaan bahan menyerap air melalui lakaran, penulisan, TMK atau lisan. | |

TEMA : BUMI DAN ANGKASA**Tajuk : 9.0 Bumi**

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|----------------------|---|--|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 9.1 Bentuk muka Bumi | 9.1.1 Menyatakan bentuk muka Bumi seperti gunung, pantai, bukit, lembah, sungai, kolam, tasik dan laut. | | |
| 9.2 Tanah | 9.2.1 Menyatakan jenis tanah seperti tanah kebun, tanah liat dan pasir. 9.2.2 Membanding beza kandungan tanah bagi jenis tanah yang berbeza dengan menjalankan penyiasatan | 9.2.3 Menjelaskan pemerhatian tentang bentuk muka bumi dan tanah melalui lakaran, penulisan, TMK atau lisan. | |

TEMA : TEKNOLOGI DAN KEHIDUPAN LESTARI**Tajuk : 10.0 Asas Binaan**

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | | |
|--|--|--|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 10.1 Binaan daripada bongkah bentuk asas | <p>10.1.1 Mengenal pasti bentuk asas iaitu segitiga, segi empat sama, segi empat tepat dan bulatan.</p> <p>10.1.2 Mengenal pasti bongkah bentuk asas iaitu kubus, kuboid, piramid, prisma, kon, silinder dan sfera.</p> <p>10.1.3 Mereka bentuk objek atau struktur menggunakan bongkah bentuk asas.</p> <p>10.1.4 Menaakul kepentingan pelbagai bentuk bongkah.</p> | <p>10.1.5 Menjelaskan pemerhatian tentang hasil binaan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan.</p> | |

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**